



SIARAN AKHBAR

S.A. 2021/03/50 (HQ)

PELITAWANIS TNB SUMBANG 31 MESIN DIALISIS UNTUK BANTU PESAKIT KURANG BERKEMAMPUAN

- Diserahkan kepada hospital & pusat dialisis bukan berasaskan keuntungan
- Mesin terakhir diserahkan kepada PMKL, Pandan Indah

Persatuan Wanita Tenaga Nasional Berhad Malaysia (PELITAWANIS TNB) telah menyumbangkan 31 unit mesin dialisis untuk membantu pesakit buah pinggang kurang berkemampuan, dengan unit yang terakhir diserahkan kepada Pusat Hemodialisis Pertubuhan Medifund Kuala Lumpur (PMKL) di Pandan Indah, Kuala Lumpur pada 4 Mac lalu.

Penyampaian sumbangan mesin dialisis itu disempurnakan oleh Ketua Pegawai Perkhidmatan Korporat TNB, Mohamad Ariff Zainol kepada Pengerusi PMKL, Datuk Eric Ong Chen Hui. Turut hadir, Pengerusi Pelitawanis TNB Cawangan Ibu Pejabat, Rozini Wan.

“Penyerahan mesin dialisis ini adalah manifestasi keprihatinan PELITAWANIS TNB terhadap pesakit dari golongan B40. Sumbangan ini diharap dapat meringankan beban kewangan mereka terutama dalam suasana ekonomi semasa akibat penularan wabak COVID-19,” kata Rozini.

Menurutnya kesemua 31 unit mesin dialisis disampaikan kepada hospital dan pusat dialisis bukan berasaskan keuntungan di seluruh Semenanjung Malaysia dan Sabah, sejak September tahun lalu.

“Pembelian mesin dialisis berkenaan adalah hasil dana yang dikumpul daripada 92 syarikat, pertubuhan dan individu sempena penganjuran majlis Malam Amal PELITAWANIS TNB pada tahun lalu,” katanya lagi.

Dana yang sama turut digunakan untuk membantu badan-badan kebajikan lain termasuk Persatuan Kanser Network Selangor & Wilayah Persekutuan dan projek ‘centralised kitchen’ untuk Autism Project Enterprise.

PELITAWANIS TNB adalah persatuan wanita yang dianggotai 6,282 ahli terdiri daripada warga kerja wanita dan pesara wanita TNB, selain isteri serta balu kepada warga kerja lelaki TNB.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 11 Mac 2021, jam 1:30 petang
*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /
Grace Tan 016-6626229 / Nasir Aziz 018-9434524
atau emel kami: media@tnb.com.my*



Ketua Pegawai Perkhidmatan Korporat TNB, Mohamad Ariff Zainol diiringi Pengerusi PELITAWANIS TNB Cawangan Ibu Pejabat, Rozini Wan menyampaikan sumbangan sebuah mesin dialisis kepada Pengerusi PMKL Datuk Eric Ong Chen Hui di Pusat Hemodialisis Pertubuhan Medifund, Pandan Indah, Kuala Lumpur, baru-baru ini.